

09 MAR 1999

Mahathir-Hakkinen

JAGUH FORMULA SATU MIKA HAKKINEN KUNJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Juara Formula One dunia Mika Hakkinen hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama 30 minit di pejabatnya di sini.

Pemandu jaguh McLaren itu, yang memenangi juara F-1 dengan 100 mata, berada di sini untuk menghadiri pembukaan Litar Antarabangsa Sepeang (SIC) oleh Dr Mahathir malam ini.

Rakyat Finland yang berusia 30 tahun itu berkata beliau mengambil peluang daripada pertemuan itu untuk memberitahu Perdana Menteri mengenai pendapat para pemandu F-1 mengenai litar Sepang sepanjang 5.542 kilometer itu.

"Saya mendapat peluang untuk menjelaskan kepada beliau apa pendapat para pemandu lumba mengenai trek yang baru di Malaysia untuk Formula Satu," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Hakkinen, mula memasuki perlumbaan F-1 pada tahun 1991 dan telah emnyertai 113 grand prix, berkata litar berharga RM286 juta itu adalah satu trek yang baik dan menyeronokkan.

"Ia adalah satu litar yang sukar untuk memandu...dengan laju sekali, ada selekoh-selekoh yang memerlukan kepakaran yang baik dan kereta yang baik. Saya sukakannya. ia adalah satu kerja yang baik," kata Hakkinen.

Katanya rakyat Malaysiia patut bangga dengan litar itu yang akan menjadi tuan rumah kepada satu peringkat kejohanan Formula Satu pafa 17 Okt depan, yang pertama yang akan diadakan di Malaysia.

Hakkinen berkata mereka yang akan kemari untuk menonton perlumbaan itu akan mendapati ia menyeronokkan.

"Ia sudah tentu akan menjadi perlumbaan dan pertunjukan yang baik. Mereka perlu lihat dan faham apa itu Formula Satu," kata Hakkinen yang terpaksa terkeluar daripada perlumbaan pembuka musim di Melbourne Ahad lepas kerana kerosakan enjin.

-- BERNAMA

AR WAT